



KEJOHANAN PING PONG SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018
ANJURAN
PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
PADA 8 - 9 SEPTEMBER, 2018

1.0 NAMA PROGRAM :

Kejohanan Ping Pong Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia 2018.

2.0 PENGANJUR :

Kejohanan Ping Pong ini dianjurkan oleh Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) bersama Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

3.0 TARIKH PERTANDINGAN :

8 – 9 September 2018 (Sabtu – Ahad)

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN :

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang@ UTC Pasir Gudang

5.0 YURAN PENDAFTARAN

5.1 Ahli : RM 250.00

5.2 Bukan Ahli : RM 500.00

6.0 HADIAH

6.1 Johan : RM2,000 + Piala Iringan + Medal

6.2 Naib Johan : RM1,500 + Medal

6.3 Tempat Ke 3 : RM1000 + Medal

6.4 Tempat Ke 4 : RM 500 + Medal

7.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN AM

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua PBT dengan keutamaan kepada keahlian MALA dan terhad kepada 32 pasukan (**maksima**) sahaja.
- ii. Setiap pemain hendaklah terdiri daripada anggota Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri yang layak didaftarkan sebagai pemain termasuk anggota yang dilantik secara kontrak (**telah berkhidmat melebihi 6 bulan**)
- iii. Setiap pendaftaran peserta hendaklah disertakan salinan kad pengenalan dan penyata gaji bagi tempoh **tiga** bulan (Jun, Julai & Ogos 2018) yang telah disahkan oleh Datuk Bandar, Yang di-Pertua atau Setiausaha/ Ketua Jabatan serta perlu dibawa semasa hari kejohanan.
- iv. Setiap peserta berjawatan kontrak hendaklah membawa salinan penyata KWSP bagi bulan **MAC 2018**
- v. Mana-mana pasukan (yang dikenalpasti oleh pihak penganjur) menyenaraikan pemain bukan dari kakitangan PBT yang berkenaan (pemain import) akan **DIBATALKAN** penyertaan mereka serta-merta.
- vi. Sepanjang kejohanan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Urusetia Sukan Kerajaan Tempatan atau Urusetia Kejohanan akan memanjangkan laporan kepada Ketua Jabatan PBT yang berkenaan, sekiranya terdapat pegawai atau peserta yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib serta peraturan-peraturan yang berkenaan.

8.0 SYARAT DAN PERATURAN KEJOHANAN

8.1 Pertandingan Ping Pong akan dijalankan seperti berikut:-

- i. Bergu Lelaki VIP (**Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas bersama berpasangan dengan sekurang-kurangnya Gred 29 dan ke atas**)
- ii. Bergu Lelaki Terbuka
- iii. Bergu Wanita Terbuka
- iv. Bergu Lelaki Veteran (berumur minimum 40 tahun dan jumlah umur 2 pemain dalam pasangan ini mestilah melebihi 90 tahun dan ke atas)
- v. Bergu Campuran Terbuka

Setiap pemain hanya dibenarkan menyertai satu (1) acara sahaja.

- 8.3 Bola berjenama **bersaiz 40+** akan digunakan sepanjang kejohanan berlangsung.
- 8.4 Liga dipusingan awal dan 2 pasukan teratas layak ke pusingan kalah mati.
- 8.5 Semua perlawanan ditentukan menerusi kiraan “best of five”.
- 8.6 Lain-lain peraturan adalah tertakluk mengikut undang-undang **ITTF** yang terkini.
- 8.7 Penyertaan dibuka kepada tidak lebih daripada **1 pasukan untuk setiap PBT**.

9.0 FORMAT PERTANDINGAN

- i. Setiap pasukan hendaklah memastikan **peraturan servis** dipatuhi mengikut undang-undang terkini ITTF.
- ii. **Getah (rubber) yang diubahsuai/diisytihar “BAND” oleh ITTF adalah diharamkan sama sekali (getah butir (pimpurle) yang didapati tiada geselan pada bola juga tidak dibenarkan).**
- iii. Jersi semasa perlawanan bergu hendaklah sama warna dan pasukan yang disenaraikan terlebih dahulu dalam senarai jadual hendaklah menukar jersi sekiranya ada persamaan warna dengan pasukan lawan.
- iv. **Setiap pasukan yang bertanding diberi peluang membuat bantahan serta mengenalpasti pemain (kawad cam) dan raket pihak lawan sebelum setiap perlawanan dilangsungkan** dan setelah pihak urusetia dan kedua-dua pasukan berpuashati, barulah perlawanan boleh dimulakan. **(bantahan selepas perlawanan tidak akan dilayan)**
- v. Jika perlawanan diberhentikan atas apa-apa sebab seperti pergaduhan atau campurtangan penonton atau sebagainya maka keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kejohanan dan tindakan sewajarnya akan diambil ke atas pegawai / pemain / penonton berkenaan.
- vi. Keputusan Penganjur adalah muktamad.

10.0 PENDAFTARAN PEMAIN :

- 10.1 Semua pasukan hanya dibenarkan memakai pakaian sukan yang sesuai.
- 10.2 Jawatankuasa kejohanan menetapkan hanya 32 pasukan terawal dengan pendaftaran nama dan yuran.
- 10.3 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur, hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian. Salinan Kad Pengenalan hendaklah disertakan bersama-sama borang pendaftaran.

11.0 TARIK DIRI ATAU GAGAL BERMAIN :

- 11.1 Pasukan atau pemain yang terlewat 10 minit dari masa yang dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 11.2 Walaubagaimanapun tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberi kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Urusetia Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan agar mengambil tindakan tegas kepada pihak / pasukan yang terlibat bertanggungjawab.
- 11.3 Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain dianggap menarik diri keseluruhan kejohanan sukan MALA.

12.0 UNDIAN DAN MESYUARAT PENGURUS PASUKAN :

Undian dan mesyuarat pengurus pasukan bersama pengadil, jawatankuasa teknikal dan penganjur.

13.0 BANTAHAN :

- 13.1 Setiap bantahan semasa kejohanan hendaklah secara bertulis dan akan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan dalam tempoh 30 minit selepas sesuatu acara berserta dengan bayaran sebanyak **RM300.00** yang mana tidak akan dikembalikan manakala bantahan yang diterima akan dipulangkan sebanyak RM 150.00. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan / Bantahan adalah muktamad dan sebarang rayuan semula tidak akan dilayan.
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan / Rayuan akan dipengerusi oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dengan ahli-ahli berkecuali yang akan dilantik. Jawatankuasa boleh meminta Pengurus Pasukan menghadiri untuk mendengar keputusan bantahan / rayuan sekiranya perlu.
- 13.3 Jawatankuasa Rayuan / Bantahan berhak memanggil pemain / pengadil / pegawai bertugas sekiranya perlu bagi membantu siasatan tersebut.

14.0 RISIKO DAN TANGGUNGJAWAB :

- 14.1 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan / kehilangan harta benda kepunyaan pegawai / pemain / kematian samada sebelum / semasa / selepas kejohanan berlangsung.
- 14.2 Sebarang pindaan dan perubahan jadual adalah tidak dibenarkan, walaubagaimanapun Jawatankuasa Penganjur boleh menggunakan budi bicara sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.

15.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN (KUASA MUTLAK) :

- 15.1 Apa-apa jua syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang tidak DISEBUT dalam syarat-

syarat dan peraturan ini, maka Jawatankuasa Penganjur adalah diberi kuasa mutlak untuk membuatnya.

- 15.2 Semua pemain diwajibkan **membawa Kad Pengenalan** dan semua Pengurus dikehendaki membuat semakan pendaftaran di meja pengelola sebelum perlawanan bermula.

16.0 PENGESAHAN PENDAFTARAN PASUKAN

- 16.1 Pihak penganjur menerima pendaftaran pasukan melalui faks, emel atau hadir sendiri ke Sekretariat.
- 16.2 Bayaran secara tunai @ cek atas nama **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG ; NOMBOR AKAUN : 01087010001450 ; BANK ISLAM** atau boleh hadir ke pihak sekretariat.
- 16.3 Pendaftaran lengkap bagi kejohanan / pertandingan ini hendaklah dihantar / difaks kepada :-

**URUSETIA
KEJOHANAN PING PONG
SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
ARAS 19, MENARA AQABAH
JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR**

- 16.4 Pihak urusetia boleh dihubungi

NAMA - MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID
NO. TEL H/P - 017- 701 1997
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7777
EMAIL - hafiz.abdhamid@mppg.gov.my/mohdhafiz.mhah@gmail.com

NAMA - SUHAILA BINTI SHAMSUDIN
NO. TEL H/P - 013 – 778 6385
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7735
EMAIL - suhaila@mppg.gov.my/suhailashamsudin1985@gmail.com
FAKS - 07 – 251 5260

- 16.5 **TARIKH TUTUP PENYERTAAN :** **30 OGOS 2018**

- 16.6 Taklimat dan pengundian kejohanan akan diadakan pada **7 September 2018 (Jumaat)**
Jam 5:00 petang bertempat di **Majlis Perbandaran Pasir Gudang.**

KEJOHANAN PING PONG SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018

ANJURAN
PERSATUAN PIHAK
MALAYSIA (MALA)
MAJLIS
GUDANG
PADA 8 - 9



BERKUASA TEMPATAN
BERSAMA
PERBANDARAN PASIR

SEPTEMBER, 2018

1. NAMA PBT :
- ALAMAT :
2. TELEFON/FAKS :
3. NAMA PENGURUS :
- NO TEL :
4. NAMA JURULATIH :
- NO TEL :

BIL	NAMA PESERTA	NO / KP	NO. PEKERJA	NO. KWSP
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				

*** Sila sertakan salinan kad pengenalan bagi setiap peserta**

- * Sila sertakan 3 bulan salinan slip gaji (Jun, Julai & Ogos)
- * Termasuk salinan penyata KWSP bagi bulan Mac 2018

BORANG PENYERTAAN KEJOHANAN PING PONG SUKAN KERAJAAN TEMPATAN (MALA)

DATUK BANDAR/ TIMBALAN DATUK BANDAR/
YANG DI-PERTUA/TIMBALAN YANG DI-
PERTUA/ ATAU SETIAUSAHA

PENGURUS

.....
.....
Tandatangan & Cop
Tarikh :

Tandatangan
Tarikh :

* Pihak urusetia boleh dihubungi

NAMA - MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID
NO. TEL H/P - 017- 701 1997
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7777
EMAIL - hafiz.abdhamid@mppg.gov.my/mohdhafiz.mhah@gmail.com

NAMA - SUHAILA BINTI SHAMSUDIN
NO. TEL H/P - 013 – 778 6385
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7735
EMAIL - [suhaila@mppg.gov.my/ suhailashamsudin1985@gmail.com](mailto:suhaila@mppg.gov.my/suhailashamsudin1985@gmail.com)
FAKS - 07 – 251 5260

LAKARAN TAPAK